

SURAT KEPADA

Para Pemegang Saham



Tahun kewangan yang baru berakhir pada 31 Mac 2009 menyaksikan keputusan yang memberangsangkan disampaikan hasil komitmen kami kepada pemegang saham, dengan mencapai keuntungan yang semakin meningkat secara konsisten, mengumumkan dividen yang lebih tinggi, dan mengukuhkan kedudukan modal Kumpulan AmBank.

Perikatan strategik dan sinergi dengan ANZ menggabungkan elemen terbaik Kumpulan AmBank untuk memenuhi keperluan paling utama pelanggan kami. Dengan kehadiran sedia ada ANZ di rantau ini, dan matlamat strategik lebih kuat untuk mencapai pertumbuhan di rantau Asia Pasifik serta komitmen Kumpulan kepada pelaksanaan Aspirasi Jangka Sederhana, kami akan memperolehi banyak peluang untuk meluaskan perniagaan kami secara signifikan.

Kepada pemegang saham,

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 (TK 2009), sukacita saya untuk melaporkan bahawa Kumpulan mencatat rekod baru dalam keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak RM860.8 juta, meningkat 28.8% dari tahun sebelumnya. Keputusan ini hasil pertumbuhan perniagaan yang kukuh, kualiti aset lebih baik yang dibuktikan dengan caj peruntukan lebih rendah serta penurunan dalam bayaran faedah minoriti selepas penswastaan bahagian perbankan pelaburan. Prestasi kami menjangkau jangkaan am dalam pasaran.

Tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 merupakan tempoh yang bergolak dalam industri perbankan dengan kegagalan pasaran kewangan global menyumbang kepada keruntuhan beberapa institusi-institusi kewangan global tersohor, namun walaupun dengan kesan teruk dari krisis kredit global ini, sukacita saya maklumkan bahawa Kumpulan AmBank mengharungi segalanya tanpa luntur malah menyampaikan nilai baik kepada pemegang saham.

Pengenalan

Kewangan Kumpulan AmBank masih lagi kukuh walaupun dengan kegagalan kewangan global dan pengecutan ekonomi Malaysia. Institusi kewangan domestik Malaysia terlindung dari kesan penuh krisis subprima dengan adanya rangka kerja

pengaturan yang tegap dari Bank Negara Malaysia serta rangka kerja, alat dan proses-proses kredit pengawalaturan risiko yang dipertingkatkan. Langkah-langkah ini dilihat berjaya dengan purata pinjaman tidak berbayar dalam industri ketika ini di paras terendah lebih kurang 2.0% namun lebih banyak perlu dilakukan. Malaysia telah mencapai kemajuan yang signifikan dari aspek ini dan telah belajar daripada pengalaman pedih krisis kewangan Asia 1997-1998.

Keputusan kewangan terbaru Kumpulan AmBank hasil sumbangan pelaksanaan berjaya strategi yang diformulasi pada penghujung 2007 berikutan kehadiran rakan kongsi strategik baru, Australia and New Zealand Banking Group ("ANZ"), sokongan dari Lembaga Pengarah, dan kerja keras pasukan pengurusan dan kakitangan. Standard perkhidmatan pelanggan Kumpulan AmBank yang cemerlang, amalan risiko berdisiplin dan komitmen kepada integriti memberi keyakinan kepada pemegang saham dan pelanggan kami dalam persekitaran kewangan dan ekonomi yang tidak menentu dan bergolak ketika ini.

Baru-baru ini kami menyambut ulang tahun kedua perkongsian strategik antara Kumpulan AmBank dan ANZ yang dimeterai pada 18 Mei 2007. Perkongsian ini melambangkan satu lagi babak dalam

sejarah Kumpulan AmBank, melahirkan sempadan baru untuk Kumpulan. Sejak dari itu, ANZ telah memberikan bantuan kepakarannya dalam perbankan runcit, pengurusan risiko, pengurusan kewangan, inovasi produk dan pembangunan saluran.

Sepanjang tahun lalu, Kumpulan telah berjaya memulakan unit pertukaran asing dan derivatif dengan kepakaran teknikal daripada ANZ, dengan mempelbagaian perniagaan dan penyumberan pendapatan baru. Dengan kehadiran ANZ di rantau ini dan matlamat strategik untuk mencapai pertumbuhan di Asia Pasifik, Kumpulan AmBank mempunyai banyak peluang untuk mendapat manfaat dan mengembangkan perniagaan luar sempadan dan dagangan kewangannya.

Perkembangan korporat lain yang dilengkapkan sejak 2007 telah meletakkan Kumpulan AmBank dalam kedudukan yang lebih kukuh. Pada awal 2008, Kumpulan menjalani penswastaan dan kemudiannya menjalankan penstrukturan semula dalaman untuk membangunkan platform perbankan sejagat yang membolehkan fokus tambahan dan integrasi pengoperasian, serta penggunaan modal dan sumber yang lebih baik. Pada Disember 2008, Kumpulan melengkapkan pengasingan perniagaan insurans komposit hayat dan amnya. Ini membenarkan kemasukan rakan kongsi

strategik yang baru, Friends Provident Fund plc ("FP") dalam perniagaan Insurans nyawa, dengan pegangan 30.0%. Insurance Australia Group ("IAG") juga turut menaikkan pegangannya dari 30.0% ke 49.0% dalam perniagaan insurans am kami.

Prestasi Kewangan Kami Yang Kukuh

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, Kumpulan AmBank mencatat prestasi kewangan yang mengagumkan berbanding tahun sebelumnya. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti mencapai RM860.8 juta, mewakili keuntungan setiap saham sebanyak 31.61 sen, kenaikan 11.9% berbanding tahun lalu (untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008, keuntungan setiap saham sebanyak 28.24 sen). Pulangan daripada ekuiti meningkat 11.7% dari 11.5% atas dasar tahunan. Pertumbuhan dalam keuntungan banyak disokong penyumbangan kukuh daripada segmen Perbankan Runcit, Perbankan Perniagaan dan Insurans.

Perbankan Runcit menyumbang keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak RM615.6 juta, mengambil faedah daripada peruntukan lebih kecil dan fokus kepada segmen perniagaan yang berdaya maju dan menguntungkan atas asas-isiko. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti Perbankan Perniagaan sebanyak RM105.5 juta disumbangkan pertumbuhan dalam pinjaman IKS yang meningkat asa kukuhan francais perhubungannya. Perbankan Pelaburan melaporkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak RM48.0 juta, prestasi yang boleh disanjung memandangkan keadaan mencabar dalam pasaran modal dan ekuiti. Segmen perniagaan insurans pula menyumbang keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak RM45.1 juta, umumnya kepada premium insurans am yang lebih tinggi. Perbankan Perhubungan dan Perniagaan Serantau (bahagian perniagaan yang baru dibangunkan pada 2008 yang menumpu kepada perbankan korporat dan institusi serta perniagaan antarabangsa) melaporkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak RM51.2 juta.

Deposit pelanggan keseluruhan mencatat pertumbuhan 15.0% tahun ke tahun hingga RM64.1 bilion, dengan Kumpulan AmBank meneruskan usaha mempromosi perkhidmatan pengurusan tunai dan kemudahan kredit penggajian, serta mengambil manfaat daripada kehadiran pengagihan lebih luas untuk mengumpul deposit, khususnya deposit urusniaga. Pinjaman bersih meningkat dengan sihat sebanyak 8.3% dengan majoriti pertumbuhan daripada segmen berdaya maju pilihan dan sektor ekonomi yang stabil.

Kami mencatat penurunan signifikan dalam pinjaman tidak berbayar. Setakat 31 Mac 2009, nisbah pinjaman tidak berbayar bersih berada pada 2.6% daripada 3.7% setahun lalu. Penggantian kerugian pinjaman turut diperbaiki dalam tempoh sama, daripada 67.3% kepada 75.1%.

Kedudukan modal Kumpulan telah diperkuatkan dengan jelas. Nisbah modal Peringkat-1 dan nisbah modal berwajib risiko masing-masing pada paras 9.7% dan 15.2%, berbanding 8.5% dan 14.1% dalam tahun kewangan lalu. Ini jauh mengatasi keperluan minima pengaturan malah lebih tinggi daripada purata industri, dan meletakkan Kumpulan dalam kedudukan untuk menyerap impak negatif daripada keadaan ekonomi semasa dan terus melaksana strategi pertumbuhan jangka sederhana.

Sebagai rumusan, catatan rekod baru keputusan kewangan tahunan ini membuktikan asas perniagaan Kumpulan AmBank yang teguh, strategi yang direka dan dilaksanakan dengan baik, serta kerjasama rapat dengan rakan kongsi strategik kami, ANZ, dalam menyampaikan tawaran nilai maksima kepada pemegang saham.

Bayaran Dividen

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, Lembaga Pengarah mencadangkan dividen pertama dan terakhir 8.0% ditolak cukai, melibatkan bayaran RM163.4 juta. Ini merupakan kenaikan 33.0% berbanding tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.

Perkhidmatan Pelanggan Dan Capaian

Buat masa ini, Kumpulan AmBank menjalankan operasi di 187 cawangan dengan dua cawangan perbankan Islam khas sepenuhnya. Saya percaya bahawa pelanggan Kumpulan AmBank mahukan kemudahan dalam urusniaga perbankan mereka dan teras keperluan ini dipenuhi, tambahan lagi dengan cawangan yang dibuka pada hujung minggu dan juga dengan tempoh operasi harian lebih panjang. Pada setiap hari Sabtu, boleh melawat 38 cawangan AmBank seluruh negara, dan ini meningkat kepada 56 pada hari Ahad. Sejumlah 20 cawangan seluruh negara turut beroperasi lebih panjang setiap hari.

Kumpulan mempunyai rancangan untuk terus berkembang dengan tambahan 10 lagi cawangan selain membangunkan kehadiran pengagihan seluruh negara dalam tempoh dua tahun yang akan membenarkan deposit, pinjaman dan pendapatan lain tumbuh lebih pantas. Ini merupakan langkah berani untuk Kumpulan. Setakat ini kami masih atas landasan untuk menyampaikan apa yang diumumkan sebelum ini mengenai peluasan rangkaian cawangan dan kehadiran

domestik untuk memperbaiki jualan dan memantapkan lagi keupayaan perkhidmatan kepada pelanggan.

Dengan perkongsian bersama 7-Eleven, capaian pasaran kami terus diperluas, membolehkan Kumpulan AmBank menawarkan lebih kemudahan perbankan dan capaian kepada pelanggannya. Ketika ini, Kumpulan AmBank mempunyai 218 mesin ATM di kedai-kedai 7-Eleven seluruh negara. Jumlah keseluruhan mesin ATM yang beroperasi adalah 611.

Jenama AmBank dianggap mempunyai rangkaian luas produk yang baik dan juga menawarkan urusniaga perbankan lebih mudah untuk pelanggan.

Pengiktirafan Pasaran

Kumpulan AmBank Group telah memenangi senarai pengiktirafan yang mengagumkan, dan ini amat membantu menaikkan lagi kedudukan Kumpulan dalam komuniti kewangan. Antara anugerah utama yang diterima termasuk:

- Di Majlis Anugerah Edge-Lipper-Starmine pada Februari 2009, AmInvestment Bank dinamakan Kumpulan Dana Terbaik (Bon). Tambahan lagi, AmInvestment Bank memenangi anugerah dalam kategori-kategori berikut untuk produk dana mereka:
 - Dana Bon Ringgit Malaysia Terbaik (kategori 3 tahun): AmDynamic Bond
 - Dana Bon Ringgit Malaysia Terbaik (kategori 5 tahun): AmDynamic Bond
 - Dana Bon Islam Ringgit Malaysia Terbaik (kategori 3 tahun): AmBon Islam
- AmBank (M) Berhad memenangi Anugerah Syarikat Pembiayaan Automotif Tahunan (Malaysia) di Majlis 2008 Frost & Sullivan ASEAN Automotive Awards pada Jun 2008.
- AmAssurance Berhad memenangi kategori Syarikat Ulung buat syarikat lama tertubuh dengan rekod keuntungan yang baik di Majlis Anugerah Perniagaan tahunan ke-3 2007 pada Oktober 2008.
- Di Majlis Anugerah BrandLaureate Award 2007-2008 pada Jun 2008, Kumpulan AmBank memenangi Anugerah Konglomerat BrandLaureate, sebagai pengiktirafan organisasi dengan sejumlah jenama yang berjaya.
- AmInvestment Bank Group menerima Anugerah Keupayaan Projek Pelbagai Saluran di Majlis Asian Banker IT Implementation Awards 2007 sebagai penghargaan kepada sistem perdagangan

dan pelaburan dalam talian untuk pelanggan Kumpulan, dengan capaian untuk pelanggan institusi samada melalui Internet mahupun telefon bimbit.

- Di Majlis Anugerah Liga RAM 2009, AmlInvestment Bank memenangi anugerah dalam kategori berikut:
 - Tempat Ke-2: Anugerah Pengurus Utama, Bilangan Perjanjian
 - Tempat Ke-2: Anugerah Pengurus Utama Islam, Bilangan Perjanjian
 - Tempat Ke-3: Anugerah Pengurus Utama, Islam, Terbitan Nilai
- Anugerah Blueprint: Perjanjian Ukur Rujuk Hartanah Baru (Sukuk Ijarah RM300 juta terbitan Al-'Aqar Capital Sdn Bhd).

Pengurusan Bakat

Untuk pertumbuhan mampan, Kumpulan meletakkan lebih penekanan kepada pembangunan saluran untuk pemimpin akan datang. Kami sememangnya dari awal mengamalkan budaya berasaskan merit semata-mata untuk memberi galakan dan ganjaran kepada kakitangan kami. Sepanjang tahun kewangan lalu, Kumpulan turut memulakan anugerah Skim Opsyen Saham Pekerja dalam bentuk pembelian siri saham dan opsyen yang akan di berikan selepas lengkap menjalankan perkhidmatan untuk tempoh tertakluk serta sasaran prestasi khusus. Anugerah ini diberikan kepada kakitangan yang benar-benar layak mendapatkannya berdasarkan prestasi lalu, dengan tujuan menggalakan mereka mencapai matlamat prestasi lebih tinggi dan menghasilkan nilai jangka panjang pemegang saham.

Memberi Khidmat Kepada Rakyat

Kumpulan AmBank percaya kepentingan dalam menyumbang kembali kepada masyarakat dari segi pembangunan untuk negara dan rakyatnya. Kumpulan AmBank telah menghulurkan derma kepada pelbagai organisasi amal yang menyokong golongan dengan kecatatan fizikal, kanak-kanak yang memerlukan, badan pelajaran, aktiviti kesihatan dan belia dan juga melibatkan diri dalam penjagaan alam sekitar.

Prospek Ekonomi untuk Tahun Kewangan 2010

Krisis ekonomi dan kewangan telah berubah menjadi fenomena global yang memberi kesan kemelesetan serentak kepada ekonomi-ekonomi maju dan juga membangun. Pakej rangsangan utama dilancarkan kerajaan seluruh dunia untuk menyelamatkan negara-negara terjejas teruk daripada jatuh lebih dalam kemelesetan yang dihadapi, dan memperbaiki lembaran imbalan insititusi kewangan yang

diselamatkan. Dasar moneteri dan fiskal ini amat penting dalam mengembalikan kestabilan ekonomi dan memenangi semula keyakinan dalam pasaran kewangan.

Malaysia, sebagai negara pengeksporth secara amnya, mengalami risiko kejatuhan pertumbuhan ekonomi yang signifikan pada 2009. Penurunan dalam permintaan eksport datang pada masa sama pelaburan asing langsung turut jatuh. Kejatuhan mendadak permintaan dari luar di suku akhir 2008, membawa kepada penggunaan domestik dan keadaan kerja yang lemah. Ramalan terbaru kerajaan meletakkan pertumbuhan KDNK sebenar antara -4.0% hingga -5.0% pada 2009.

Malaysia telah memelopori dua pakej rangsangan ekonomi untuk menangani risiko penurunan yang lebih teruk: yang pertama diumumkan pada 4 November 2008 bernilai RM7 bilion dan yang kedua, sebesar RM60 bilion yang diumumkan pada 10 Mac 2009. Bank Pusat juga giat menyokong pertumbuhan ekonomi domestik dengan menurunkan Kadar Dasar Semalaman pada 2.0% dan Keperluan Simpanan Berkanun kepada 1.0%.

Keutamaan Strategik untuk Tahun Kewangan berakhir 31 Mac 2010 ("TK 2010")

Kumpulan percaya pelaksanaan tertumpu agenda strategik akan membolehkannya kekal teguh sambil membina atas kelebihan yang dipegangnya sejak 2008. Keadaan hadapan ekonomi yang semakin kabur serta asas pasaran kewangan yang amat membimbangkan akan membawa kepada pertumbuhan pinjaman lebih perlahan, dan kemungkinan kenaikan pinjaman tidak berbayar. Untuk TK 2010, Kumpulan AmBank sedang bersiap sedia untuk pertumbuhan berbeza dalam segmen-segmen perniagaannya, mengasingkan risiko daripada lembaran imbangannya, dan pelbagai perniagaan baru dan aliran pendapatan.

Keutamaan untuk tahun kewangan depan 2010 adalah:

- Mengekalkan pertumbuhan yang menguntungkan dan mengimbangi semula fokus;
- Fokus dinamik dalam keseimbangan jumlah berbanding harga dan pertumbuhan dalam segmen berdaya maju;
- Menambah fokus pada kualiti aset (penstrukturan semula, penjadualan semula dan aktiviti pengumpulan);
- Sasarkan kecekapan dalam kos pengoperasian sambil melabur dalam jangka sederhana; dan

- Menambah penekanan pada pengawalan risiko dan kewangan serta infrastruktur.

Kumpulan AmBank masih komited kepada aspirasi jangka sederhana yang diumumkan pada penghujung 2007, tetapi pada masa sama mencapai kesedaran bahawa aspirasi-aspirasi ini akan mengambil masa lebih lama, memandangkan perubahan yang berlaku dalam persekitaran makro-ekonomi. ANZ, salah satu daripada 11 bank dengan penarafan AA di dunia, sebagai rakan kongsi kami, memberi sepenuh sokongan kepada usaha pertumbuhan kami.

Penghargaan

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan dengan ikhlas rasa terima kasih kepada para pemegang kepentingan kami, terutamanya rakan kongsi strategik kami ANZ, IAG dan FP, rakan kongsi perniagaan serta pelanggan yang dihargai, untuk keyakinan, naungan dan kepercayaan dalam jenama AmBank. Kejayaan-kejayaan Kumpulan selama ini hanya dapat dicapai dengan usaha dan pengorbanan 10,000 anggota pengurusan dan kakitangan, dengan komitmen yang tidak pernah luntur.

Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada semua badan pengatur serta pihak berkuasa termasuk Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia Securities Berhad dan Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti untuk bimbingan mereka dan nasihat berharga. Akhir sekali, penghargaan tertinggi diberikan kepada pemegang saham Kumpulan AmBank kerana sokongan mereka menghasilkan rekod baru dalam kejayaan TK 2009.

Terima kasih.

Yang Ikhlas,



Azman Hashim

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Kuala Lumpur
9 Julai 2009